# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Please read and understand this Product Disclosure Sheet before you decide to take up the BizPower Relief Financing (Prihatin). Be sure to also read the terms and conditions in the letter of offer. Seek clarification from RHB Bank Berhad/RHB Islamic Bank Berhad ("Bank") if you do not understand any part of this document or the general terms).

**RHB Bank Berhad**
Registration No: 196501000373 (6171-M)

**RHB Islamic Bank Berhad**
Registration No: 200501003283 (680329-V)

## BizPower Relief Financing (Prihatin)

**Date:** ______________________________

### 1. What is this product about?

BizPower Relief Financing (Prihatin) ("the Facility") is loan/financing for working capital purposes and it's calculated on a variable rate basis.

### 2. What do I/we get from this product?

- Total amount of loan/financing : Maximum: RM 1,000,000
- Loan/Financing Tenure : Up to 7 Years
- Interest/ Profit Rate : BLR / BFR + 0.50% to 1.00%
- Type of Facility : Term Loan / Commodity Murabahah Term Financing-i
- Total amount borrowed/financed : RM __________
- Margin of financing : __________ %
- Tenure : __________ years

**Notes:**
- Tenure is inclusive of an optional moratorium period of 6 months on principal repayment/payment.
- Our current Base Lending / Profit Rate (BLR / BFR) is 6.70% p.a.
- The Interest / Profit Rate on this financing is variable (due to BLR / BFR) and will change accordingly as published by the bank from time to time.
- For conventional product, you need to read this Product Disclosure Sheet ("PDS") together with PDS for Term Loan. For Islamic product, you need to read this PDS together with PDS for Commodity Murabahah Term Financing-i for further information including on Shariah concept and etc. Please refer to RHB's Corporate Website for more details.

### 3. What are my/our obligations if I/we decided to take this product?

- Monthly instalment(s)

| Instalment Amount | Period |
|---|---|
| | Month 1 – 6 |
| | Month 7 - 84 |

- Total repayment/payment amount: **RM** ____________

**Important:**

- Your monthly repayment/payment and total repayment/payment amount will vary if the BLR/BFR changes.

**Illustration**

**Assumption: Loan/Financing amount of RM100,000 for seven (7) years.**

| **Rate** | **If BLR/BFR* = 6.70% + 1.00% (spread) = 7.70%** | **If BLR/BFR* goes up 1.00% = 8.70%** |
|---|---|---|
| Monthly repayment/payment | RM 1,543.72 | RM 1,593.72 |
| Total interest/profit cost at the end of seven (7) years | RM 29,672.48 | RM 33,872.48 |
| Total repayment/payment amount at the end of-seven (7) years | RM 129,672.48 | RM 133,872.48 |

**Note:**

- *BLR/BFR may vary from time to time. You may refer to our website, www.rhbgroup.com for the latest rate.
- If variation to the BLR/BFR affects your monthly repayment/payment amount, the Bank will provide to you at least twenty-one (21) calendar days' prior written notice before the effective date of the change.

**4. What is the collateral / security to obtain the financing?**

- Seventy per centum (70%) guarantee cover by Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (“SJPP”).

**5. Do I/we need guarantor(s)?**

- Yes, the guarantor(s) must be the company's director/ management team.

**6. What are fees and charges do I/we have to pay?**

- **Guarantee Fees**
  No guarantee fees will be charged under this Facility.
- **Stamp Duties**
  As per the Stamp Act 1949 (Revised 1989).
- **Disbursement Fees**
  Including fees for registration of charge, land search and bankruptcy search*.
  ***Note:** This is not applicable for Small Medium Enterprises (SME) customers as per Bank Negara Malaysia’s (BNM) SME Definition. Please refer to RHB’s Corporate Website for more details on the BNM’s SME Definition.
- **Legal Fees pertaining to loan/financing documentations**
  You are required to pay all legal fees and incidental expenses in connection with the banking facility including the preparation, stamping and registration of any security documents and the lodgment and withdrawal of caveats (if applicable).
- **Cancellation Fee**
  A cancellation fee of RM 2,000 (Conventional) / RM1,000 (Islamic) is payable to the Bank in the event that the Facility granted is cancelled at any time after the acceptance of loan/ financing (subject to preparation of the legal documentation has commenced) and before the first loan/financing disbursement. Such cancellation fee may be deducted automatically from your account with the Bank at the Bank’s discretion with 7 days’ prior written notice.
- **Brokerage Fee** *(applicable for Islamic product only)*
  RM 25 per RM1 million and subject to minimum of RM 60 (the Bank will absorb 50% of the fee for SME).

**7. What if I/we fail to fulfill my/our obligations?**

**RHB Bank**

- Legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult.
- Late payment charges of 1% p.a. on the instalment amount in arrears will be charged, causing the total outstanding to increase.
- If you fail to pay three (3) monthly instalments consecutively, the loan rate may be increased by the Bank twenty-one (21) calendar days' prior written notice.
- We reserve the right to set off any credit balance in your account maintained with us against any outstanding balance in this loan/financing account, with seven (7) calendar days' prior written notice to you.
- Legal action will be taken against you if you fail to respond to reminder notices. Your pledged security may be foreclosed and you will have to bear all costs incurred in relation thereto. You are also responsible to settle any shortfall after your property has been foreclosed.
- Legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult.
- We have the right to cancel the loan with prior written notice and to require you to fully settle the loan if you, your partner or your co-borrower dies (for sole-proprietors and partnerships).

**RHB Islamic Bank**

- Late payment charges:

  (i) The Bank shall have the right to impose compensation (ta'widh) as follows:

  (1) For any failure on your part to pay any monthly payment(s) under the Facility on the due date of such payment(s), you shall pay compensation charges to the Bank on the overdue amount based on the following formula or any other method approve by Bank Negara Malaysia:

  Compensation Charges = Overdue Amount x 1% (Compensation Rate for Late Payment) x (No. of Days Overdue/365)

  (2) For any failure on your part to pay of any amount overdue and which failure continues beyond the tenure of the Facility, the compensation rate that shall be applied is the Bank Negara Malaysia prevailing Islamic Interbank Money Market (IIMM) Rate on the (outstanding principal + accrued profit) or any other method approved by Bank Negara Malaysia.

  (3) The amount of such compensation shall not be compounded on the financing amount.

  (ii) The compensation at the aforesaid rate shall be payable by you after as well as before any judgment or order of court.

- Right to set-off: The Bank is entitled to set-off any outstanding amount due in this financing account with any of your deposit accounts maintained with the Bank, by giving at least seven (7) calendar days' prior written notice to you.

- Right to commence recovery or Legal action: Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices. Your property may be foreclosed and you will have to bear all costs. You are also responsible to settle any shortfall after your property is sold. The Bank has a right to commence recovery activities (including engaging third party debt collection agencies and selling non-performing financing to a third party), foreclosure and bankruptcy proceedings and initiate legal action against you if you failed to comply with or in breach of any terms and conditions under the financing documents.

- Other information**:** We have the right to cancel the financing with prior written notice and to require you to fully settle the financing if you, your partner or your co-applicant dies (for sole-proprietors and partnerships).

**8. What if I/we fully settle the financing before its maturity?** *(applicable for Islamic product only)*
The Bank shall grant rebate (ibra') on any amount payable by you in respect of any payment due under the Facility in any of the following situations:

- Early settlement or early redemption by you including prepayment;
- Settlement of the Facility due to any financing restructuring exercise by you;
- Settlement by you upon occurrence of an event of default;
- Settlement by you in the event of termination or cancellation of the Facility before expiry of the Facility tenure;
- If the Facility is based on a variable rate, on the difference between the Contracted Profit Rate (CPR) and the Effective Profit Rate (EPR) when the EPR is lower than the CPR.

  Rebate (Ibra') = Remaining Unearned Profit – Early Settlement Charges (if any)

  where the remaining unearned profit is equal to unrealised profit at the time of full settlement. The calculation of rebate (Ibra') shall be made in accordance with any rules, guidelines, regulations and/or directives (whether or not having the force of law) required of or imposed upon the Bank from time to time and at any time by Bank Negara Malaysia or any other authority having jurisdiction over the Bank.

**9. Do I/we need any insurance / takaful coverage?**
**<u>RHB Bank</u>**

- Personal Smart Shield (PSS) Plus for BPRF-Prihatin (Single Premium non-participating term insurance policy) is optional but you are encouraged to take as protection.
  **<u>Note:</u>**
  Quotations will be provided by our sales staff for PSS Plus offered by the panel of insurer's providers. You are free to use the service of non-panel insurers operators. However, to avoid any delay in insuring your life, the appointment of the Bank's panel insurers is highly encouraged.

**<u>RHB Islamic Bank</u>**

- Yes. You will maintain such takaful as in respect of your assets and business against all risks from such takaful companies acceptable to the Bank.

**10. What do I/we need to do if there are changes to my/our contact details?**

- It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

**11. Where can I/we get assistance and redress?**

- If you have difficulties in making repayments/payments, you should contact us earliest possible to discuss payment alternatives.

- Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia (BNM) to provide free services on money management, credit counselling, financial education and debt restructuring for SME customers. You can contact AKPK at:
  **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit**
  **Level 5 and 6, Menara Bumiputra Commerce**
  **Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur**
  Telephone: 03-2616 7766
  Website: enquiry@akpk.org.my

- You may contact your Relationship Manager at any of our Commercial Banking Business Centre or at:
  **RHB Bank Customer Contact Centre**
  **Level 4, Crystal Plaza**
  **No. 4, Jalan 51A/223, Seksyen 51A**
  **46100, Petaling Jaya**
  **Selangor**
  Telephone: 03-9206 8118
  Email: customer.service@rhbgroup.com
  Website: www.rhbgroup.com

- If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:
  **BNM TELELINK**
  **Bank Negara Malaysia**
  **P.O Box 10922**
  **50929 Kuala Lumpur**
  Telephone: 1-300-88-5465
  Fax: 03-2174 1515
  Web form: https://telelink.bnm.gov.my

- Ombudsman for Financial Services (OFS) (Formerly known as Financial Mediation Bureau) at:
  **Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia**
  **No. 4, Jalan Sultan Sulaiman**
  **50000 Kuala Lumpur**
  Telephone: 03-2272 2811
  Fax : 03-2272 1577
  Email: enquiry@ofs.org.my

**12. Where can I/we get further information?**

- Should you require additional information on our products, please visit us at the nearest RHB Commercial Banking Business Centres or log on to www.rhbgroup.com for more information.

**13. Other loan/financing packages available**

- Please refer to your Relationship Manager for further details.

## IMPORTANT NOTE:

**IF YOU DO NOT COMPLY UP WITH THE REPAYMENT/PAYMENT OF YOUR FACILITIES, LEGAL ACTION MAY ALSO BE TAKEN AGAINST YOU**

The information provided in this disclosure sheet is valid from 30 June 2023 and is subject to change at the Bank's discretion from time to time with prior notification.

The information in this Product Disclosure Sheet is given on a general basis without obligation and is strictly for information only. The information contained in this document are based on certain assumptions and information available as at the date of this document, all of which are accordingly subject to change at any time with notice. This document may be translated into a language other than English.

**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**

(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil BizPower Pembiayaan Pemulihan (Prihatin). Pastikan untuk turut serta membaca terma dan syarat umum dalam surat tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada RHB Bank Berhad/RHB Islamic Bank Berhad ("Bank") sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma umum).

**RHB Bank Berhad**
No. Pendaftaran: 196501000373 (6171-M)

**RHB Islamic Bank Berhad**
No. Pendaftaran: 200501003283 (680329-V)

## BizPower Pembiayaan Pemulihan (Prihatin)

**Tarikh:** ______________________________

**1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?**

BizPower Pembiayaan Pemulihan (Prihatin) ("kemudahan") ialah pinjaman / pembiayaan untuk tujuan modal kerja dan ia dikira berdasarkan kadar asas berubah.

**2. Apakah yang saya/kami dapat daripada produk ini?**

- Jumlah pinjaman/pembiayaan : Maksimum: RM 1,000,000
- Tempoh pinjaman/pembiayaan : Sehingga 7 tahun
- Kadar faedah/keuntungan : BLR / BFR + 0.50% sehinga 1.00%
- Jenis Kemudahan : Pinjaman Bertempoh / Pembiayaan Komoditi Murabahah Berjangka-i
- Jumlah pinjaman/pembiayaan : RM __________
- Margin pembiayaan : _____________ %
- Tempoh : _____________ tahun

**Nota:**
- Tempoh adalah termasuk tempoh moratorium pilihan selama 6 bulan pada pembayaran balik / pembayaran prinsipal.
- Kadar Pinjaman Asas / Kadar Keuntungan Asas (BLR / BFR) semasa kami ialah 6.70% setahun.
- Kadar faedah / keuntungan untuk pembiayaan ini berdasarkan kadar asas berubah (disebabkan BLR / BFR) dan akan berubah seperti yang dimaklumkan oleh bank dari semasa ke semasa.
- Untuk produk konvensional, anda perlu membaca Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan Lembaran Pendedahan Produk untuk Pinjaman Berjangka. Untuk produk Islamik, anda perlu membaca Lembaran Pendedahan Produk ini bersama-sama dengan Lembaran Pendedahan Produk untuk Pembiayaan Komoditi Murabahah Berjangka-i untuk maklumat lanjut berkaitan konsep Syariah dan lain-lain. Sila rujuk Laman Web Korporat RHB untuk maklumat lanjut.

**3. Apakah tangungjawab saya/kami sekiranya saya/kami memutuskan untuk mengambil produk ini??**

- Ansuran Bulanan:

| Kadar Ansuran | Tempoh |
|---|---|
| | Bulan 1 – 6 |
| | Bulan 7 - 84 |

- Jumlah bayaran balik/bayaran: **RM ____________**

**Penting:**

- Bayaran balik/bayaran bulanan dan jumlah bayaran balik/bayaran anda akan berbeza jika BLR / BFR berubah.

**Illustrasi**

**Andaian: Jumlah Pinjaman/Pembiayaan sebanyak RM100,000 selama tujuh (7) tahun.**

| **Kadar** | **Jika BLR/BFR* = 6.70% + 1.00% (sebar) = 7.70%** | **Jika BLR/BFR* meningkat ke 1.00% = 8.70%** |
|---|---|---|
| Bayaran balik/bayaran bulanan | RM 1,543.72 | RM 1,593.72 |
| Jumlah kos faedah/keuntungan di hujung tujuh (7) tahun. | RM 29,672.48 | RM 33,872.48 |
| Jumlah bayaran balik/bayaran di hujung tujuh (7) years | RM 129,672.48 | RM 133,872.48 |

**Note:**

- *BLR / BFR mungkin berubah dari masa ke semasa. Anda boleh merujuk ke laman web kami di www.rhbgroup.com untuk kadar yang terkini.
- Jika perubahan kepada BLR / BFR menjejaskan jumlah pembayaran balik / bayaran bulanan anda, Bank akan memberi anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari calendar notis bertulis terdahulu sebelum tarikh kuat kuasa perubahan.

**4. Apakah cagaran / sekuriti untuk mendapatkan pembiayaan tersebut?**

- Perlindungan jaminan sehingga tujuh puluh peratus (70%) oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan ("SJPP").

**5. Adakah saya memerlukan penjamin?**

- Ya, penjamin mestilah pengarah / pasukan pengurusan syarikat.

**6. Apakah fi dan caj yang perlu saya/kami bayar?**

- **Fi Jaminan**
  Tiada fi jaminan akan dikenakan dibawah kemudahan ini.
- **Duti Setem**
  Seperti yang termaktub di dalam Akta Setem 1949 (Semakan 1989).
- **Fi Pengeluaran**
  Termasuk fi untuk pendaftaran gadaian, carian tanah dan carian kebankrapan*.
  ***Nota:** Ini tidak terpakai untuk pelanggan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) seperti dalam Definisi PKS Bank Negara Malaysia (BNM). Sila rujuk Laman Web Korporat RHB untuk butiran lanjut mengenai Definisi PKS BNM.
- **Fi Guaman berkaitan dokumen pinjaman/pembiayaan**
  Anda dikehendaki membayar semua fi guaman dan perbelanjaan sampingan yang berkaitan dengan kemudahan perbankan termasuk penyediaan, pegecapan dan pendaftaran sebarang dokumen keselamatan dan penyerahan dan penarikan balik kaveat (jika berkenaan).
- **Fi Pembatalan**
  Yuran pembatalan sebanyak RM2,000 (konvensional) / RM1,000 (Islam) perlu dibayar kepada Bank sekiranya Kemudahan yang diberikan dibatalkan pada bila-bila masa selepas penerimaan pinjaman/pembiayaan (tertakluk kepada penyediaan dokumentasi undang-undang telah dimulakan) dan sebelum pengeluaran pinjaman/pembiayaan pertama. Yuran pembatalan tersebut boleh ditolak secara automatik daripada akaun anda dengan Bank mengikut budi bicara Bank dengan notis bertulis 7 hari terlebih dahulu.
- **Fi Broker** *(terpakai untuk produk Islamik sahaja)*

RM25.00 bagi setiap RM1 juta dan tertakluk kepada jumlah minima RM60.00 (Bank akan menyerap 50% daripada fi untuk PKS).

**7. Bagaimana jika saya/kami gagal memenuhi kewajipan-kewajipan saya/kami?**

**RHB Bank**

- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit anda yang menyebabkan kredit menjadi lebih sukar.
- Caj pembayaran lewat sebanyak 1% setahun ke atas jumlah ansuran tertunggak akan dikenakan, menyebabkan jumlah tertunggak meningkat.
- Jika anda gagal membayar tiga (3) ansuran bulanan berturut-turut, kadar pembiayaan boleh dinaikkan oleh Bank dengan notis bertulis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar.
- Kami berhak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda yang dikekalkan dengan kami terhadap sebarang baki tertunggak dalam akaun pinjaman/pembiayaan ini, dengan notis bertulis terdahulu tujuh (7) hari kalendar kepada anda.
- Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda jika anda gagal membalas notis peringatan. Keselamatan yang dicagarkan anda mungkin akan dirampas dan anda perlu menanggung semua kos yang ditanggung berkaitan degannya. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan selepas harta anda telah dirampas.
- Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit anda yang menyebabkan kredit menjadi lebih sukar.
- Kami mempunyai hak untuk membatalkan pinjaman dengan notis bertulis terlebih dahulu dan meminta anda menyelesaikan sepenuhnua pinjaman jika anda, pasangan anda atau peminjam bersama anda meninggal dunia (untik pemilik tunggak dan perkongsian).

**RHB Islamic Bank**

- Caj pembayaran lewat:
  - (i) Bank berhak untuk mengenakan caj pampasan (Ta'widh) seperti berikut:
    - (1) Untuk sebarang kegagalan pihak anda untuk membayar sebarang bayaran bulanan di bawah kemudahan pada tarikh pembayaran tersebut, anda akan membayar caj pampasan kepada Bank atas jumlah tertunggak berdasarkan formula berikut atau kaedah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia:

      Caj Pampasan = Jumlah tertunggak x 1% (Kadar Pampasan untuk Bayaran Lewat) x (Jumlah Hari Tertunggak/365)

    - (2) Untuk sebarang kegagalan pihak anda untuk membayar sebarang jumlah tertunggak di mana kegagalan berkenaan berlanjutan di luar tempoh Kemudahan, kadar pampasan yang digunakan adalah Kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam Bank Negara Malaysia (prinsipal tertunggak + keuntungan terakru) atau kaedah lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

    - (3) Jumlah pampasan tersebut tidak boleh dikompaun pada jumlah pembiayaan.

  - (ii) Anda hendaklah membayar pampasan pada kadar yang dinyatakan di atas selepas dan juga sebelum keputusan atau perintah mahkamah.

- Hak untuk tolak selesai: Bank berhak untuk menolak selesai jumlah yang tertunggak dalam akaun pembiayaan ini dengan mana-mana akaun deposit anda yang disenggarakan dengan Bank, dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar kepada anda.

- Hak untuk memulakan pemulihan atau tindakan undang-undang: Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan. Harta tanah anda mungkin dilelong dan akan hendaklah menanggung semua kos. Anda juga bertanggungjawab untuk menjelaskan sebarang kekurangan setelah harta tanah anda dijual. Bank mempunyai hak untuk memulakan aktiviti pemulihan (termasuk menggunakan agensi pemungut hutang pihak ketiga dan menjual pembiayaan tidak berbayar

kepada pihak ketiga), prosiding lelong dan kebankrapan dan memulakan tindakan undang-undang terhadap anda sekiranya anda gagal mematuhi atau melanggar sebarang terma dan syarat di bawah dokumentasi pembiayaan.

- Maklumat lain: Kami mempunyai hak untuk membatalkan pembiayaan degan notis bertulis awal dan meminta anda menyelesaikan sepenuhnya pembiayaan jika anda, pasangan anda atau pemohon bersama anda meninggal dunia (untuk pemilikan tunggal dan perkongsian)

**8. Bagaimana sekiranya saya/kami menyelesaikan pembiayaan sepenuhnya sebelum tarikh matang?**
*(terpakai untuk produk Islamik sahaja)*
Bank akan memberikan rebat (Ibra') atas jumlah yang perlu dibayar oleh anda di bawah kemudahan yang diambil oleh anda dengan Bank dalam sebarang situasi berikut:

- Penyelesaian awal atau penebusan awal oleh anda termasuk pembayaran awal;
- Penyelesaian kemudahan pembiayaan disebabkan oleh sebarang penstrukturan semula pembiayaan oleh anda;
- Penyelesaian oleh anda sebaik berlakunya keingkaran;
- Penyelesaian oleh anda sekiranya berlaku penamatan atau pembatalan kemudahan sebelum tarikh tamat tempoh kemudahan.
- Jika kemudahan adalah berdasarkan kadar boleh ubah, perbezaan di antara Kadar Keuntungan Kontrak (CPR) dan Kadar Keuntungan Efektif (EPR) apabila EPR adalah lebih rendah berbanding dengan CPR.

  Rebat (Ibra') = Keuntungan Belum Diperolehi - Caj Penyelesaian Awal (jika ada).

  di mana keuntungan belum diperolehi adalah sama dengan keuntungan belum diperolehi pada masa penyelesaian penuh. Pengiraan rebat (Ibra') hendaklah sesuai dengan sebarang peraturan, garis panduan, regulasi dan/atau arahan (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) yang diperlukan atau dikenakan ke atas Bank dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa oleh Bank Negara Malaysia atau sebarang pihak berkuasa lain yang mempunyai kuasa ke atas Bank.

**9. Adakah saya/kami perlu melanggan perlindungan insuran / takaful?**
**<u>RHB Bank</u>**

- Personal Smart Shield (PSS) Plus for BPRF-Prihatin (polisi insuran tanpa penyertaan Preminum Tunggal) adalah pilihan tetapi anda digalakkan untuk mengambil sebagai perlindungan.
  **<u>Nota:</u>**
  Sebutharga akan disediakan oleh kakitangan jualan kami untuk PSS Plus yang ditawarkan oleh panel pembekal insuran. Anda bebas menggunakan perkhidmatan pengendali penanggung insuran bukan panel. Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan sebarang kelewatan dalam menginsuransikan nyawa anda, perlantikan penanggung insuran panel Bank adalah sangat digalakkan.

**<u>RHB Islamic Bank</u>**

- Ya. Anda hendaklah mengekalkan takaful dengan syarikat takaful yang diterima oleh pihak Bank bagi melindungi aset dan perniagaan anda daripada semua risiko.

**10. Apakah yang perlu saya/kami lakukan jika ada perubahan dalam maklumat hubungan saya/kami?**

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang pertukaran maklumat untuk menghubungi anda tepat pada masanya.

**11. Di manakah saya/kami boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?**

- Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran balik/pembayaran, anda harus menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran.

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu dan SME. Anda boleh meghubungi AKPK di
  **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit**

**Aras 5 dan 6, Menara Bumiputra Commerce**
**Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur**
Telefon: 03 - 2616 7766
Laman web: enquiry@akpk.org.my

- Anda boleh menghubungi Pengurus Perhubungan atau Pusat Perniagaan Perbankan Komersial kami di:
  **RHB Bank Customer Contact Centre**
  **Aras 4, Crystal Plaza**
  **No. 4, Jalan 51A/223, Seksyen 51A**
  **46100, Petaling Jaya, Selangor**
  Telefon: 03-9206 8118
  E-mel: customer.service@rhbgroup.com
  Laman web: www.rhbgroup.com

- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh pihak kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:
  **BNM TELELINK**
  **Bank Negara Malaysia**
  **P.O Box 10922**
  **50929 Kuala Lumpur**
  Telefon: 1-300-88-5465
  Fax: 03-2174 1515
  Laman web: https://telelink.bnm.gov.my

- Ombudsman for Financial Services (OFS) (dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan) di:
  **Aras 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia**
  **No. 4, Jalan Sultan Sulaiman**
  **50000 Kuala Lumpur**
  Telefon: 03-2272 2811
  Fax : 03-2272 1577
  E-mel: enquiry@ofs.org.my

**12. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?**

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai pembiayaan kami, sila rujuk kepada Pusat Perniagaan Perbankan Komersial atau layari www.rhbgroup.com untuk maklumat lanjut.

**13. Lain lain pakej pinjaman/pembiayaan yang ada?**

- Sila rujuk Pengurus Perhubungan untuk maklumat lanjut.

## NOTA PENTING:

**JIKA ANDA TIDAK MEMATUHI DENGAN PEMBAYARAN BALIK/PEMBAYARAN BULANAN KEMUDAHAN ANDA, TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA**

Maklumat yang diberikan dalam pendedahan produk ini adalah sah dari 30 Jun 2023 dan tertakluk kepada perubahan mengikut budi bicara Bank dari semasa ke semasa dengan pemberitahuan terlebih dahulu.

Maklumat dalam Helaian Pendedahan Produk ini diberikan secara umum tanpa kewajipan dan hanya untuk maklumat sahaja. Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah berdasarkan andaian dan maklumat tertentu yang tersedia pada tarikh dokumen ini, yang kesemuanya tertakluk kepada perubahan pada bila-bila masa dengan notis. Dokumen ini boleh diterjemahkan ke dalam bahasa selain Bahasa Melayu.